Pengajian Aqidah 004: MENYELAMI TAUHID ULUHIYAH DAN HUBUNGANNYA DENGAN DASAR DAKWAH PARA RASUL

Blog Rasmi (Aqidah):
http://aqidah-wa-manhaj.blogspot.com
Web-Groups:
http://groups.yahoo.com/group/pmh-uitm

PASAL 1 - MAKNA TAUHID ULUHIYAH DAN PEMBUKTIAN BAHAWA IA MERUPAKAN DASAR DAKWAH PARA RASUL

Uluhiyah adalah ibadah. Tauhid Uluhiyah adalah mengesakan Allah dengan perbuatan para hamba berdasarkan niat *taqarrub* yang disyari'atkan seperti doa, nadzar, korban, raja' (pengharapan), takut, tawakkal, raghbah (senang), rahbah (takut), dan inabah (kembali / taubat). Dan konsep ketauhidan ini adalah merupakan intipati dakwah para rasul, bermula dari rasul yang pertama sehinggalah yang terakhir. Allah s.w.t. berfirman:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلالَةُ فَسِيرُوا فِي الأرْضِ فَانْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ (٣٦)

Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula Yang berhak ditimpa kesesatan. oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah Bagaimana buruknya kesudahan umat-umat Yang mendustakan Rasul-rasulNya. (an-Nahl (16): 36)

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لا إِلَهَ إِلا أَنَا فَاعْبُدُونِ (٢٥)

Dan Kami tidak mengutus sebelummu (Wahai Muhammad) seseorang Rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya: "Bahawa Sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu, Beribadatlah kamu kepadaku". (al-Anbiya' (21): 25)

Setiap Rasul melalui dan membawa dakwahnya dengan perintah seruan ke arah konsep tauhid uluhiyah. Sebagaimana yang diucapkan oleh Nabi Nuh, Hud, Shalih, Syu'aib, dan lain-lain:

يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ

"Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain Nya" (al-A'raaf (7): 59, 65, 73, 85)

وَإِبْرَاهِيمَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاتَّقُوهُ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (١٦)

Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ibrahim, ketika ia berkata kepada kaumnya: "Sembahlah kamu akan Allah dan bertaqwalah kepadanya; Yang demikian itu adalah baik bagi kamu jika kamu tahu (membezakan Yang baik dari Yang buruk). (al-Ankabut (29): 16)

Dan diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w.:

قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ (١١)

Katakanlah lagi (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya Aku diperintahkan supaya menyembah Allah Dengan mengikhlaskan segala ibadat kepadanya; (az-Zumar (39): 11)

Rasulullah s.a.w. sendiri bersabda:

أمرت أن أقاتل الناس حتىيشهدوا أن لاإله إلا الله وأن محمدا رسول الله

“Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sampai mereka bersaksi bahawa tiada ilah (sembahan) yang haq kecuali Allah dan bahawa Muhammad adalah Rasulullah.” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Kewajiban awal bagi setiap mukallaf adalah bersaksi laa ilaaha illallah (tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan allah), serta mengamalkannya. Allah s.w.t. berfirman:

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لا إِلَهَ إِلا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقَلَّبَكُمْ وَمَثْوَاكُمْ (١٩)

Oleh itu, maka Tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (Wahai Muhammad) Bahawa Sesungguhnya tiada Tuhan Yang berhak disembah melainkan Allah, dan mintalah ampun kepadanya bagi salah silap Yang Engkau lakukan, dan bagi dosa-dosa orang-orang Yang beriman - lelaki dan perempuan; dan (ingatlah), Allah mengetahui akan keadaan gerak-geri kamu (di dunia) dan keadaan penetapan kamu (di Akhirat). (Muhammad (47): 19)

Dan merupakan kewajiban yang pertama bagi orang-orang yang ingin menganut Islam adalah mengikrarkan dua kalimah syahadat.

Jadi, jelaslah bahawa Tauhid uluhiyah adalah maksud atau intipati utama dari dakwah para rasul yang diutuskan. Dikatakan sedemikian adalah kerana uluhiyah adalah sifat Allah yang ditunjukkan oleh nama-Nya, “Allah”, yang ertinya *dzul uluhiyah* (yang memiliki uluhiyah).

Juga disebut “tauhid ibadah”, kerana ubudiyah adalah sifat ‘abd (hamba) yang wajib menyembah Allah secara ikhlas, kerana ktergantungan mereka kepadanya.

Sheikhul Islam Ibnu Taimiyah menyatakan, “Ketahuilah, keperluan seorang hamba untuk menyembah Allah tanpa menyekutukan-Nya denga sesuatu apa pun, tidak memiliki bandingan yang dapat dikiankan, tetapi dari sebahagian sudut mirip dengan keperluan jasad kepada makanan dan minuman. Akan tetapi di antara keduanya ini terdapat perbezaan mendasar. Kerana hakikat seorang hamba adalah hati dan ruhnya, ia tidak boleh bergantung melainkan kepada Allah yang tiada Tuhan melainkan-Nya. Ia tidak mampu beroleh ketenangan di dunia ini kecuali dengan mengingati-Nya. Seandainya hamba memperoleh kenikmatan dan kesenangan tanpa Allah, maka hal itu tidak akan berlangsung atau berkekalan lama, tetapi pasti akan berpindah-pindah dari suatu subjek kepada subjek yang lainnya. Adapun Tuhannya maka Dia diperlukan setiap saat dan setiap waktu, di mana pun ia berada maka dia selalu bersamanya.” (Majmu’ Fatawa, 1/24)

Tauhid ini adalah inti dari dakwah para rasul, kerana ia adalah asas dan dasar perlaksanaan segala amalan. Tanpa merealisasikannya, semua amal ibadah tidak akan diterima. Kerana andainya ia tidak wujud, maka akan bangkitlah lawannya, iaitu kesyirikan. Sedangkan Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَى إِثْمًا عَظِيمًا (٤٨)

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa Yang lain dari itu bagi sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). dan sesiapa Yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu Yang lain), maka Sesungguhnya ia telah melakukan dosa Yang besar. (an-Nisa' (4): 48)

إِنَّ اللَّهَ لا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلالا بَعِيدًا (١١٦)

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang Yang mempersekutukanNya Dengan sesuatu (Apa jua), dan akan mengampunkan Yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut peraturan hukum-hukumNya); dan sesiapa Yang mempersekutukan Allah Dengan sesuatu (Apa jua), maka Sesungguhnya ia telah sesat Dengan kesesatan Yang amat jauh. (an-Nisa' (4): 116)

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ (٦٥)

Dan Sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (Wahai Muhammad) dan kepada Nabi-nabi yang terdahulu daripadamu: "Demi sesungguhnya! jika engkau (dan pengikut-pengikutmu) mempersekutukan (sesuatu yang lain dengan Allah) tentulah akan gugur amalmu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang yang rugi. (az-Zumar (39): 65)

Dan skop tauhid ini adalah kewajiban pertama seluruh hamba. Allah s.w.t. berfirman:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلا تَعْبُدُوا إِلا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلاهُمَا فَلا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلا كَرِيمًا (٢٣)

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa sebaik-baiknya... (al-Isra' (17): 23)

قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ أَلا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَلا تَقْتُلُوا أَوْلادَكُمْ مِنْ إِمْلاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ وَلا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَلا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلا بِالْحَقِّ ذَلِكُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ (١٥١)

Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan Allah dengan sesuatu apa pun; dan hendaklah (kamu) berbuat baik kepada ibu bapa... (al-An'am (6): 151)

PASAL 2 - MAKNA SYAHADATAIN, RUKUN, SYARAT, KONSEKUENSI DAN YANG MEMBATALKANNYA

Makna Syahadat (لاإله إلا الله) – Laa ilaaha illallah

Iaitu iktiqad dan berikrar mengakui bahawasanya tidak ada yang berhak disembah dan menerima ibadah kecuali Allah s.w.t., mentaati hal tersebut dan

mengamalkannya. La ilaaha (لاإله) menafikan hak penyembahan terhadap yang lain dari Allah, siapa pun subjeknya. Illallah (إلا الله) adalah penetapan hak ke atas Allah semata-mata untuk disembah.

Jadi, makna kalimat ini secara ijmal (global dan universal) adalah, "Tidak ada sembahan yang hak selain Allah". Khabar "لا" harus (wajib) ditaqdirkan "بحق" (dengan hak), dan tidak boleh ditaqdirkan dengan "موخود" (ada). Kerana ini menyalahi kenyataan yang ada, sebab tuhan yang disembah (objek yang dianggap sebagai tuhan) selain Allah banyak sekali. Hal itu akan membawa erti menyembah tuhan-tuhan tersebut adalah ibadah pula untuk Allah. Ini pastinya mewujudkan kebatilan yang nyata.

Kalimat "لاإله إلا الله" telah ditafsirkan dengan beberapa penafsiran yang batil, di antaranya adalah:

1 – "لاإله إلا الله" diertikan dengan:

"Tidak ada sembahan kecuali Allah". Ini adalah batil, kerana akan membawa kepada makna: Sesungguhnya setiap yang disembah, samaada yang hak mahupun batil, itu adalah Allah.

2 – "لاإله إلا الله" diertikan dengan:

"Tidak ada pencipta selain Allah". Ini adalah sebahagian dari erti kalimat tersebut. Akan tetapi bukan ini yang dimaksudkan, kerana erti ini hanya mengakui tauhid rububiyah sahaja, dan itu sama sekali belum (tidak) mencukupi.

3 – "لاإله إلا الله" diertikan dengan:

"Tidak ada hakim (penentu hukum) selain Allah". Ini juga sebahagian dari makna kalimat "لاإله إلا الله". Tetapi bukan itu yang dimaksudkan, kerana ia juga tidak mencukupi dan tidak membawa maksud yang sempurna.

Semua tafsiran di atas adalah batil atau kurang. Kami memperingatkan di sini kerana tafsir-tafsir itu ada terkandung di dalam kitab-kitab yang banyak tersebar. Sednagkan tafsir yang benar menurut salaf dan para muhaqqiq (ulama peneliti) "لا معبود بحق إلاالله" tidak ada sembahan yang hak selain Allah, seperti tersebut di atas.

Makna syahadat (أن محمدا رسول الله) – anna muhammadar rasulullah

Iaitu mengakui secara lahir batin bahawa beliau (Muhammad) adalah hamba Allah dan Rasul-Nya yang diutus kepada manusia secara keseluruhan, serta mengamalkan konsekuensinya (apa yang dibawakannya): mentaati perintahnya, membenarkan ucapannya, menjauhi larangannya, dan tidak menyembah Allah kecuali dengan apa yang disyari'atkan (melakukan ibadat menurut kaedah).

Rukun Syahadatain

Rukun "لاإله إلا الله" – Laa ilaaha illallah

1 – an-Nafyu atau peniadaan: "لاإله" membatalkan syirik dengan segala bentuknya dan mewajibkan kekafiran terhadap segala apa yang disembah selain Allah.

2 – al-Itsbat (penetapan): “إلاالله” menetapkan bahawa tidak ada yang berhak disembah kecuali Allah dan mewajibkan pengamalan (ibadah) sesuai dengan konsekuensinya (apa yang ditetapkan/disyari’atkan).

Makna dua rukun ini banyak disebut di dalam al-Qur’an seperti mana firman-Nya:

لا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لا انْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ (٢٥٦)

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana Sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang ingkar kepada taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka Sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui. (al-Baqarah (2): 256)

Firman Allah, “sesiapa yang ingkar kepada thagut” itu adalah makna dari “لاإله” iaitu rukun yang pertama tadi. Sedangkan firman Allah “dan berimanl kepada Allah” adalah makna dari rukun yang kedua “إلاالله”. Begitu juga firman Allah s.w.t. kepada Nabi Ibrahim a.s.:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لأَبِيهِ وَقَوْمِهِ إِنَّنِي بَرَاءٌ مِمَّا تَعْبُدُونَ (٢٦)إلا الَّذِي فَطَرَنِي فَإِنَّهُ سَيَهْدِينِ (٢٧)

Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya dan kaumnya: "Sesungguhnya aku berlepas diri dari apa yang kamu sembah - "Yang lain dari Tuhan Yang menciptakan daku, kerana Sesungguhnya ia tetap memberi hidayah petunjuk kepadaku". (az-Zukhruf (43): 26-27)

Firman Allah s.w.t. “Sesungguhnya aku berlepas diri” iniadalah makna nafyu (peniadaan) dalam seperti mana maksud di rukun yang pertama. Sedangkan perkataan, “yang lain dari Tuhan yang menciptakan daku”, adalah makna itsbat (penetapan) pada rukun kedua.

Rukun Syahadat (أن محمدا رسول الله) –Muhammad Rasulullah

Syahadat ini mempunyai dua rukun, iaitu kalimat “علبده ورسوله” hamba dan utusan-Nya. Dua rukun ini menafikan ifrath (berlebih-lebihan) dan tafrith (meremehkan) pada hak Rasulullah s.a.w.. Beliau adalah hamba dan Rasul-Nya. Beliau adalah makhluk yang paling sempurna dalam dua sifat yang mulia ini.

“العبد” di sini ertinya hamba yang menyembah. Maksudnya, beliau adalah manusia yang diciptakan dari bahan yang sama dengan bahan ciptaan manusia yang lainnya. Juga berlaku atasnya apa yang berlaku atas orang lain. Sebagaimana firman Allah s.w.t.:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ يُوحَى إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَمَنْ كَانَ يَرْجُو لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلا صَالِحًا وَلا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا (١١٠)

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya Aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaKu Bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang satu; oleh itu, sesiapa Yang percaya dan berharap akan pertemuan Dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal Yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapapun Dalam ibadatnya kepada Tuhannya". (al-Kahfi (18): 110)

Beliau hanya memberikan hak ubudiyah kepada Allah dengan sebenar-benarnya, dan kerananya Allah s.w.t. memujinya:

أَلَيْسَ اللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُ وَيُخَوِّفُونَكَ بِالَّذِينَ مِنْ دُونِهِ وَمَنْ يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ (٣٦)

Bukankah Allah cukup untuk mengawal dan melindungi hamba-hamba-Nya... (az-zumar (39): 36)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجَا (١)

Segala puji terentu bagi Allah Yang telah menurunkan kepada hambaNya (Muhammad), Kitab suci Al-Quran, dan tidak menjadikan padanya sesuatu Yang bengkok (terpesong). (al-Kahfi (18): 1)

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الأقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّه هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ (١)

Maha suci Allah Yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa... (al-Isra' (17): 1)

Sedangkan kalimat "rasul" membawa erti, orang yang diutus kepada seluruh manusia dengan misi dakwah kepada allah sebagai basyir (pemberi khabar gembira) dan nadzir (pemberi peringatan).

Persaksian untuk Rasulullah s.a.w. dengan dua sifat ini meniadakan ifrath dan tafrith pada hak Rasulullah s.a.w.. Kerana banyak orang yang mengaku umatnya lalu melebihkan haknya atau mengagungkannya hingga mengangkatnya di atas martabat melebihi darjat seorang manusia sehingga mengibadahinya (menjadikan sembahan) selain dari Allahs.w.t.. Mereka beristighatsah (memohon pertolongan) kepada beliau dalam bentuk doa membelakangkan (mensyirikkan Allah). Juga meminta kepada beliau apa yang tidak sanggup melakukannya selain Allah, seperti memenuhi hajat dan menghilangkan kesulitan. Tetapi di pihak yang lain, terdapat sebahagian kelompok mengingkari kerasulannya atau mengurangi haknya, sehingga ia bergantung kepada pendapat-pendapat yang menyalahi ajarannya, serta memaksakan diri dalam men-takwil-kan hadis-hadis dan hukum-hukumnya.

Syarat-Syarat Syahadatain

Syarat-Syarat "لاإله إلا الله" – Laa ilaaha illallah

Bersaksi dengan "لاإله إلا الله" – Laa ilaaha illallah harus (wajib) dengan tujuh syarat. Tanpa syarat-syarat itu, syahadat tidak akan bermanfaat bagi yang mengucapkannya. Secara global, tujuh syarat itu adalah:

1 – Ilmu, yang menafikan jahil (kebodohan).
2 – Yaqin, yang menafikan syak (keraguan).
3 – Qabul (menerima), yang menafikan radd (penolakan).
4 – Inqiyad (patuh), yang menafikan tark (meninggalkan).
5 – Ikhlas, yang menafikan syirik.
6 – Shidq (jujur), yang menafikan kadzib (dusta).
7 – Mahabbah (kecintaan), yang menafikan baghdha' (kebencian).

Dan, perinciannya adalah seperti berikut;

Syarat Pertama: Ilmu (Mengetahui)

Ertinya memahami makna dan maksudnya. Mengetahui apa yang ditiadakan dan apa yang ditetapkan, yang menafikan ketidaktahuannya dengan hal tersebut.

Allah berfirman:

وَلا يَمْلِكُ الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ الشَّفَاعَةَ إِلا مَنْ شَهِدَ بِالْحَقِّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ (٨٦)

...tidak mempunyai sebarang Kuasa untuk memberikan syafaat pertolongan, kecuali sesiapa Yang memberi penerangan mengakui kebenaran Dengan mentauhidkan Allah, Tuhan yang sebenar-benarnya yang mereka mengetahui-Nya dengan yakin (bukan dengan kata-kata orang; (az-Zukhruf (43): 86)

Maksudnya orang yang bersaksi dengan "لاإله إلا الله" – Laa ilaaha illallah, dan memahami dengan hatinya apa yang diikrarkan oleh lisannya. Seandainya ia mengucapkannya, tetapi tidak mengerti apa akan maksudnya atau maknanya (pengertiannya), maka persaksian itu tidak sah dan tidak berguna.

Syarat Kedua: Yaqin

Mereka yang mengikrarkannya harus (wajib) meyakini kandungan syahadat itu. Manakala jika ia meragukannya maka sia-sia belaka persaksian itu.

Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ (١٥)

Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya). (al-Hujuraat (49): 15)

Andainya ia ragu, maka ia menjadi munafiq. Nabi s.a.w. bersabda:

من لقيت وراءهذ الحائط يشهد أن لاإله إلاالله مستيقنا بها قلبه فبشره با لجنه

"Siapa yang engkau temui di balik tembok (kebun) ini, yang menyaksikan bahawa tiada ilah selain Allah dengan hati yang meyakininya, maka berilah khabar gembira dengan (balasan) syurga." (Hadis Riwayat Bukhari)

Maka siapa yang hatinya meyakini, ia tidak berhak masuk syurga.

Syarat Ketiga: Qabul (menerima)

Menerima kandungan dan konsekuensi dari syahadat; menyembah Allah semata-mata dan meninggalkan ibadah kepada selain-Nya.

Siapa yang mengucapkan, tetapi tidak menerima dan menta'ati, maka ia termasuk orang-orang yang difirmankan Allah s.w.t.:

إِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا قِيلَ لَهُمْ لا إِلَهَ إِلا اللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ (٣٥)وَيَقُولُونَ أَئِنَّا لَتَارِكُو آلِهَتِنَا لِشَاعِرٍ مَجْنُونٍ (٣٦)

Sebenarnya mereka dahulu apabila dikatakan kepadanya;" (ketahuilah, bahawa) tiada Tuhan yang sebenar-benarnya berhak disembah melainkan Allah" - mereka bersikap takbur mengingkarinya, - serta mereka berkata: " Patutkah Kami mesti meninggalkan tuhan-tuhan yang kami sembah, kerana mendengar ajakan seorang penyair gila?" (ash-Shaffat (37): 35-36)

Ini seperti halnya penyembah kuburan dewasa ini. Mereka mengikrarkan " لاإله إلا الله" – Laa ilaaha illallah, tetapi tidak mahu meninggalkan penyembahan terhadap kuburan. Dengan demikian bererti mereka belum menerima makna "لاإله إلا الله" – Laa ilaaha illallah.

Syarat Keempat: Inqiyaad (Tunduk dan Patuh Dengan Kandungan Makna syahadat)

وَمَنْ يُسْلِمْ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى وَإِلَى اللَّهِ عَاقِبَةُ الأُمُورِ (٢٢)

Dan sesiapa Yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas) sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, maka Sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) Yang teguh dan (ingatlah) kepada Allah jualah kesudahan Segala urusan. (Luqman (31): 22)

الْعُرْوَةِ الْوُثْقَى (al-"Urwatul-wutsqa) adalah laa ilaaha illallah. Dan makna يُسْلِمْ وَجْهَهُ (yuslim wajhahu) adalah yanqadu (patuh, tunduk).

Syarat Kelima: Shidq (jujur)

Iaitu mengucapkan kalimat ini dan hatinya juga membenarkannya. Manakala lisannya mengucapkan, tetapi hatinya mendustakan, maka ia adalah munafik dan pendusta.

Allah s.w.t. berfirman:

لِيُحِقَّ الْحَقَّ وَيُبْطِلَ الْبَاطِلَ وَلَوْ كَرِهَ الْمُجْرِمُونَ (٨)إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُمْ بِأَلْفٍ مِنَ الْمَلائِكَةِ مُرْدِفِينَ (٩)وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلا بُشْرَى وَلِتَطْمَئِنَّ بِهِ قُلُوبُكُمْ وَمَا النَّصْرُ إِلا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (١٠)

Supaya Allah menegakkan Yang benar itu dan menghapuskan Yang salah (kufur dan syirik), sekalipun golongan (kafir musyrik) Yang berdosa itu tidak menyukainya. (ingatlah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhan kamu, lalu ia perkenankan permohonan kamu (dengan firmanNya): "Sesungguhnya Aku akan membantu kamu Dengan seribu (bala tentera) dari malaikat Yang datang berturut-turut. dan Allah tidak menjadikan (bantuan malaikat) itu melainkan sebagai berita gembira dan supaya hati kamu tenang tenteram dengannya. dan kemenangan itu pula hanyalah dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (al-Baqarah (2): 8-10)

Syarat Keenam: Ikhlas

Iaitu membersihkan amal dari segala debu-debu syirik, dengan jalan tidak mengucapkannya kerana mengingkari isi dunia, riya' atau sum'ah. Dalam hadis 'Itban, Rasulullah s.a.w. bersabda:

فإن الله حرم على النار من قا ل لاإله إلله يبتغى بذ لك وجه الله

“Sesungguhnya Allah mengharamkan atas neraka orang yang mengucapkan laa ilaaha illallah kerana menginginkan redha Allah.” (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Syarat Ketujuh: Mahabbah (Kecintaan)

Maksudnya mencintai kalimat ini serta isinya, juga mencintai orang-orang yang mengamalkan konsekuensinya.

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرَوْنَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ (١٦٥)

(Walaupun demikian), ada juga di antara manusia Yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang-orang Yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. dan kalaulah orang-orang Yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, Bahawa Sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah, dan Bahawa Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya, (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman itu). (al-Baqarah (2): 165)

Makanya, ahli tauhiditu adalah mencintai Allah dengan cinta yang tulus bersih. Sedangkan ahli syirik mencintai Allah dan mencintai yang lainnya. Hal ini sangat bertentangan dengan isi kandungan laa ilaaha illallah - “لاإله إلا الله”.

Syarat-Syarat “محمد رسول الله” Muhammadar Rasulullah

1 – Mengakui kerasulan dan meyakininya di dalam hati.
2 – Mengucapkan dan mengikrarkan dengan lisan.
3 – Mengikutinya dengan mengamalkan ajaran keebnaran yang telah dibawanya serta meninggalkan kebatilan (larangan) yang ditegahnya.
4 – Membenarkan segala apa yang dikhabarkan dari hal-hal yang ghaib, baik yang sudah lewat mahupun yang akan datang.
5 – Mencintainya melebihi cintanya kepada dirinya sendiri, harta, anak, orang tua, serta seluruh umat manusia.
6 – Mendahulukan sabdanya atas segala pendapat dan ucapan orang lain serta mengamalkan sunnahnya.

Objektif / Kesan Syahadatain

Objektif / Kesan “لاإله إلا الله” – Laa ilaaha illallah

Iaitu meninggalkan ibdah kepada selain Allah dari segala macam yang dipertuhankan sebagai keharusan (kewajiban) dari peniadaan “لاإله إلا الله” – Laa ilaaha illallah. Dan beribadah kepada Allah semata-mata tanpa syirik sedikit pun, sebagai keharusan dari penetapan “لاإله إلا الله” – Laa ilaaha illallah.

Banyak orang mengikrarkan tetapi melanggar tetap melanggar objektif yang sepatutnya dimiliki. Sehingga mereka menetapkan ketuhanan yang sudah dinafikan, baik berupa para makhluk, kuburan, pepohonan, bebatuan, serta para thaghut lainnya.

Mereka berkeyakinan bahawa tauhid adalah bid’ah. Mereka menolak para da’i yang mengajak kepada tauhid dan mencela orang yang beribadah hanya kepada Allah semata-mata.

Objektif / Kesan “محمد رسول الله” Muhammadar Rasulullah

Iaitu mentaatinya, membenarkannya, meninggalkan apa yang dilarangnya, mencukupkan diri dengan mengamalkan sunnahnya, dan meninggalkan yang lain dari hal-hal bid’ah dan muhdatsat (baru), serta mendahulukan sabda baginda di atas segala pendapat orang lain.

Perkara-Perkara Yang Membatalkan Syahadatain

Iaitu hal-hal yang membatalkan Islam, kerana dua kalimat syahadat itulah yang membuat seseorang masuk dalam Islam. Mengucapkan keduanya adalah pengakuan terhadap kandungannya dan konsisten mengamalkan konsekuensinya berupa segala macam syi’ar-syi’ar Islam. Jika ia menyalahi ketentuan ini, bererti ia telah membatalkan perjanjian yang telah diikrarkannya ketika mengucapkan dua kalimat syahadat tersebut.

Yang membatalkan Islam itu banyak sekali. Para fuqaha’ dalam kitab-kitab fiqh mereka telah menulis bab khusus yang diberi judul “Bab Riddah” (Bab Kemurtadan). Dan yang terpenting adalah sepuluh hal, iaitu:

1 – Syirik dalam beribadah kepada Allah. Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَى إِثْمًا عَظِيمًا (٤٨)

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa Yang lain dari itu bagi sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). dan sesiapa Yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu Yang lain), maka Sesungguhnya ia telah melakukan dosa Yang besar. (an-Nisa’ (4): 48)

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ وَقَالَ الْمَسِيحُ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ اعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ (٧٢)

Demi sesungguhnya! telah kafirlah orang-orang Yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah Al-Masih Ibni Maryam". padahal Al-Masih sendiri berkata:" Wahai Bani Israil! Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu, bahawasanya sesiapa Yang mempersekutukan Allah Dengan sesuatu Yang lain, maka Sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang Penolong pun bagi orang-orang Yang berlaku zalim". (al-Ma’idah (5): 72)

Termasuk di dalamnya iaitu menyembelih kerana selain Allah, sebagai contoh, adalah kerana untuk memohon hajat kepada kuburan yang dianggap keramat atau untuk jin dan lain-lainnya.

2 – Orang yang menjadikan antara dia dan Allah perantara-perantara. Ia berdoa kepada mereka, meminta syafa’at kepada mereka dan bertawakkal kepada mereka. Orang seperti ini kafir secara ijma’.

أَلا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَى إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ إِنَّ اللَّهَ لا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَاذِبٌ كَفَّارٌ (٣)

Ingatlah! (hak Yang wajib dipersembahkan) kepada Allah ialah Segala Ibadat dan bawaan Yang suci bersih (dari Segala rupa syirik). dan orang-orang musyrik Yang mengambil selain dari Allah untuk menjadi Pelindung dan Penolong (sambil berkata): "Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan Kami kepada Allah sehampir-hampirnya", - Sesungguhnya Allah akan menghukum di antara mereka (dengan orang-orang Yang tidak melakukan syirik) tentang apa Yang mereka berselisihan padanya. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang Yang tetap berdusta (mengatakan Yang bukan-bukan), lagi sentiasa kufur (dengan melakukan syirik). (az-Zumar (39): 3)

3 – Orang-orang yang tidak mahu mengkafirkan orang-orang musyrik dan orang yang masih ragu terhadap kekufuran mereka atau membenarkan madzhab mereka, dia itu kafir.

4 – Orang yang meyakini bahawa selain petunjuk Nabi s.a.w. lebih sempurna dari petunjuk baginda, atau hukum yang lain lebih baik dari hukum beliau. Seperti orang yang mengutamakan hukum para thaghut di atas hukum Rasulullah s.a.w., mengutamakan hukum atau perundangan manusia di atas hukum Islam, maka dia kafir.

5 – Sesiapa yang membenci sesuatu dari ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. sekalipun ia juga mengamalkannya, maka dia kafir.

6 – Sesiapa yang menghina sesuatu dari agama Rasul s.a.w. atau pahala mahupun siksa-Nya, maka dia kafir. Hal ini ditunjukkan melalui firman Allah s.w.t.:

وَلَئِنْ سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِاللَّهِ وَآيَاتِهِ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِئُونَ (٦٥)لا تَعْتَذِرُوا قَدْ كَفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ إِنْ نَعْفُ عَنْ طَائِفَةٍ مِنْكُمْ نُعَذِّبْ طَائِفَةً بِأَنَّهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ (٦٦)

Dan jika Engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: "Sesungguhnya Kami hanyalah berbual dan bermain-main". katakanlah: "Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?" janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan Yang dusta), kerana Sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman. jika Kami maafkan sepuak dari kamu (kerana mereka bertaubat), maka Kami akan menyeksa puak Yang lain, kerana mereka adalah orang-orang yang terus bersalah. (at-Taubah (9): 65-66)

7 – Sihir, di antaranya sharf dan ‘athf (barangkali yang dimaksudkan adalah amalan yang dilaksanakan dengan tujuan membuat suami benci kepada isterinya atau membuat wanita cinta kepadanya atau sebaliknya). Barangsiapa melakukan atau meredhainya, maka ia kafir. Dalilnya adalah firman Allah s.w.t.:

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَى مُلْكِ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أُنْزِلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلا تَكْفُرْ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلا بِإِذْنِ اللَّهِ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلا يَنْفَعُهُمْ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الآخِرَةِ مِنْ خَلاقٍ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ (١٠٢)

Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir Yang dibacakan oleh puak-puak Syaitan Dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir Yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak Syaitan itulah Yang kafir (dengan amalan sihirnya);

kerana merekalah Yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa Yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya Dengan berkata: "Sesungguhnya Kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah Engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)". Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir Yang boleh menceraikan antara seorang suami Dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) Dengan sihir itu seseorang pun melainkan Dengan izin Allah. dan sebenarnya mereka mempelajari perkara Yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. dan Demi Sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telahpun mengetahui Bahawa sesiapa Yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian Yang baik di akhirat. Demi Sesungguhnya amat buruknya apa Yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui. (al-Baqarah (2): 102)

8 – Mendukung kaum musyrikin dan menolong mereka dalam memusuhi umat Islam. Dalilnya adalah firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى أَوْلِيَاءَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِنْكُمْ فَإِنَّهُ مِنْهُمْ إِنَّ اللَّهَ لا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ (٥١)

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil mereka (Yahudi dan Nasrani) menjadi pemimpin-pemimpin(mu); sebahagian mereka adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain. Barangsiapa diantara kamu mengambil mereka menjadi pemimpin, maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim. (al-Ma'idah (5): 51)

9 – Sesiapa yang meyakini bahawa sebahagian manusia ada yang boleh keluar dari syari'at Nabi Muhammad s.a.w., seperti halnya Nabi Hidhir boleh keluar dri syari'at Nabi Musa a.s., maka ia kafir. Sebagaimana yang diyakini oleh ghulat sufiyah (sufi yang berlebihan atau yang melampaui batas) bahawa mereka dapat mencapai suatu darjat atau maqam yang akan menjadikan mereka tidak perlu lagi untuk mengikuti syari'at Rasulullah s.a.w.

10 – Berpaling dari agama Allah, tidak mempelajarinya dan tidak pula mengamalkannya. Dalilnya adalah firman Allah s.w.t.:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَا إِنَّا مِنَ الْمُجْرِمِينَ مُنْتَقِمُونَ (٢٢)

Dan tidaklah ada Yang lebih zalim daripada orang Yang diberi ingat Dengan ayat-ayat Tuhannya, kemudian ia berpaling daripadanya (dan tetap mengingkarinya); Sesungguhnya Kami tetap membalas. (as-Sajdah (32): 22

Syeikh Muhammad at-Tamimy berkata: "Tidak ada bezanya dalam hal yang membatalkan syahadat ini antara orang yang bercanda (bergurau), yang serius (bersungguh-sungguh) mahupun yang takut, kecuali orang yang dipaksa. Dan semuanya adalah bahaya yang paling besar serta yang paling sering terjadi. Maka setiap muslim wajib berhati-hati dan mengkhawatirkan dirinya serta mohon perlindungan kepada Allah s.w.t. dari hal-hal yang boleh mendatangkan murka Allah dan siksa-Nya yang pedih (Majmu'ah at-Tauhid an-Najdiyah, hal. 37-39).

PASAL 3 – TASYRI'

Tasyri’ adalah hak Allah s.w.t.. Yang dimaksudkan dengan tasyri’ adalah apa yang diturunkan Allah s.w.t. untuk hamba-Nya berupa manhaj (jalan/kaedah/prinsip) yang harus (wajib) mereka lalui dalam bab aqidah aqidah, muamalat, dan sebagainya. Termasuk di dalamnya masalah penghalalan dan pengharaman. Tidak seorang pun berwenang menghalakan kecuali apa yang sudah dihalalkan Allah, juga tidak boleh mengharamkan kecuali apa yang sudah diharamkan Allah.

وَلا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لا يُفْلِحُونَ (١١٦)

Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: "Ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; Sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya. (an-Nahl (16): 116)

قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حَرَامًا وَحَلالا قُلْ آللَّهُ أَذِنَ لَكُمْ أَمْ عَلَى اللَّهِ تَفْتَرُونَ (٥٩)

Katakanlah (kepada kaum yang mengada-adakan sesuatu hukum): "Sudahkah kamu nampak baik-buruknya sesuatu yang diturunkan Allah untuk manfaat kamu itu sehingga dapat kamu jadikan sebahagian daripadanya haram, dan sebahagian lagi halal?" Katakanlah lagi (kepada mereka): "Adakah Allah izinkan bagi kamu berbuat demikian, atau kamu hanya mengada-adakan secara dusta terhadap Allah?". (Yunus (10): 59)

Allah telah melarang penghalalan dan pengharaman tanpa dalil dari al-Kitab dan as-Sunnah, dan Dia menyatakan bahawa hal itu adalah dusta atas nama Allah. Sebagaimana Dia telah memberitahukan bahawa sesiapa yang mewajibkan atau mengharamkan sesuatu tanpa dalil maka ia telah menjadikan dirinya sebagai sekutu Allah dalam hal tasyri’.

Allah s.w.t. berfirman:

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ اللَّهُ وَلَوْلا كَلِمَةُ الْفَصْلِ لَقُضِيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ (٢١)

Patutkah mereka mempunyai sekutu-sekutu (sesembahan selain Allah) yang menentukan - mana-mana bahagian dari agama mereka - sebarang undang-undang yang tidak diizinkan oleh Allah? Dan kalaulah tidak kerana kalimah ketetapan yang menjadi pemutus (dari Allah, untuk menangguhkan hukuman hingga ke suatu masa yang tertentu), tentulah dijatuhkan azab dengan serta-merta kepada mereka (yang berbuat demikian). Dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (asy-Syura (42): 21)

وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوحُونَ إِلَى أَوْلِيَائِهِمْ لِيُجَادِلُوكُمْ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ (١٢١)

... Sesungguhnya syaitan-syaitan itu membisikkan kepada pengikut-pengikutnya, supaya mereka membantah (menghasut) kamu; dan jika kamu menurut hasutan mereka (untuk menghalalkan Yang haram itu), Sesungguhnya kamu tetap menjadi orang-orang musyrik. (al-An’am (6): 121)

Maksudnya adalah orang-orang yang menghalalkan bangkai-bangkai yang sudah diharamkan Allah. Maka sesiapa yang mentaati mereka, dia adalah musyrik. Sebagaiaman Allah memberitahukan bahawa siapa yang mentaati para ulama

dan rahib-rahib dalam hal menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah dan mengharamkan apa yang dihalalkan oleh allah, maka ia telah menjadikan mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah.

Dia s.w.t. berfirman:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا لا إِلَهَ إِلا هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ (٣١)

Mereka menjadikan pendita-pendita dan ahli-ahli agama mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah, dan juga (mereka mempertuhankan) al-Masih Ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia. Maha suci Allah dari apa Yang mereka sekutukan. (at-Taubah (9): 31)

Ketika Adiy bin Hatim r.a. mendengar ayat ini, ia berkata: “Ya Rasulullah, sesungguhnya kami tidak menyembah mereka.” Maka Rasulullah s.a.w. berkata kepadanya:

أليسوا يحلون ما حرم الله فتحلونه ويحرمون ماأحل الله فتحرمونه؟ قال: بلى ، قال: فتلك عبا دتهم

“Bukankah mereka menghalalkan apa yang Allah haramkan, kemudian kalian menghalalkannya. Dan mereka mengharamkan apa yang Allah halalkan, kemudian kalian mengharamkannya?!” Ia menjawab, “Ya benar.” Maka beliau bersabda lagi, “Itulah bentuk ibadah kepada mereka.” (Hadis Riwayat Tirmidzi)

Syeihk Abdurrahman bin Hasan rahimahullah berkata, “Di dalam hadis tersebut terdapat dalil bahawa mentaati ulama dan pendeta dalam hal maksiat kepada Allah bererti beribadah kepada mereka dari selain Allah, dan termasuk syirik akhbar yang tidak diampuni oleh Allah s.w.t.. Kerana akhir ayat tersebut berbunyi:

وَمَا أُمِرُوا إِلا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا لا إِلَهَ إِلا هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ (٣١)

... padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia. Maha suci Allah dari apa Yang mereka sekutukan. (at-Taubah (9): 31)

Senada dengan itu adalah firman Allah s.w.t.:

وَلا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوحُونَ إِلَى أَوْلِيَائِهِمْ لِيُجَادِلُوكُمْ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ (١٢١)

Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) Yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya, kerana Sesungguhnya Yang sedemikian itu adalah perbuatan fasik (berdosa); dan Sesungguhnya syaitan-syaitan itu membisikkan kepada pengikut-pengikutnya, supaya mereka membantah (menghasut) kamu; dan jika kamu menurut hasutan mereka (untuk menghalalkan Yang haram itu), Sesungguhnya kamu tetap menjadi orang-orang musyrik. (al-An’am (6): 121)

Hal ini banyak menimpa orang-orang yang bertaklid kepada ulama mereka. Kerana mereka tidak melihat dalil lagi, meskipun ulama yang diikutinya itu telah menyalahi dalil. Dan ia termasuk jenis syirik ini.

Maka mentaati dan konsisten terhadap syari'at Allah serta meninggalkan syari'at-syari'at lainnya adalah salah satu keharusan dan konsekuensi dari laa ilaaha illallah. Dan hanya Allah-lah tempat kita memohon pertolongan.

PASAL 4 – IBADAH: PENGERTIAN, JENIS, DAN KELUASAN SKOPNYA

Defini Ibadah

Ibadah secara estimologi bererti merendahkan diri serta tunduk. Di dalam syara', ibadah mempunyai banyak definisi, tetapi makna dan maksudnya satu. Definisi itu antara lain adalah:

1 – Ibadah ialah taat kepada Allah dengan melaksanakan perintah-Nya melalui lisan rasul-Nya.

2 – Ibadah adalah merendahkan diri kepada Allah s.w.t. iaitu tingkatan tunduk yang paling disertai dengan rasa mahabbah (kecintaan) yang paling tinggi.

3 – Ibadah ialah sebutan yang mencakupi seluruh apa yang dicintai dan diredhai Allah s.w.t., baik berupa ucapan atau perbuatan, yang zahir mahupun yang batin. Ini adalah definisi ibadah yang paling lengkap.

Skop atau bentuk ibadah itu terbahagi kepada ibadah hati, lisan, dan anggota badan. Rasa khauf (takut), raja' (mengharap), mahabbah (cinta), tawakkal (ketergantungan), raghbah (senang), dan rahbah (takut) adalah ibadah qalbiyah (yang berkaitan dengan hati). Sedangkan solat, zakat, haji, dan jihad adalah ibadah badaniyah qalbiyah (fizikal dan hati). Serta masih banyak lagi jenis-jenis ibadah yang berkaitan dengan hati, lisan, dan badan (fizikal).

Ibadah inilah yang menjadi tujuan penciptaan manusia. Allah s.w.t. berfirman:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالإنْسَ إِلا لِيَعْبُدُونِ (٥٦)مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا أُرِيدُ أَنْ يُطْعِمُونِ (٥٧)إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ (٥٨)

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepada-Ku. Sesungguhnya Allah Dia-lah sahaja yang memberi rezeki (kepada sekalian makhluk-Nya, dan Dia-lah sahaja) yang mempunyai kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha kuat kukuh kekuasaan-Nya. (azd-Dzariyat (51): 56-58)

Allah s.w.t. memberitahukan, hikmah penciptaan jin dan manusia adalah agar mereka melaksanakan ibadah kepada Allah s.w.t.. Dan Allah maha-Kaya, tidak memerlukan ibadah mereka, akan tetapi merekalah yang memerlukannya; kerana ketergantungan mereka kepada Allah, maka mereka menyembah-Nya sesuai dengan aturan syari'at-Nya. Maka, barangsiapa yang menolak beribadah kepada Allah, dia adalah sombong. Barang siapa yang menyembah-Nya tetapi dengan selain apa yang disyari'atkan-Nya maka ia adalah mubtadi' (pelaku bid'ah). Dan barang siapa yang hanya menyembah-Nya dengan syari'at-Nya (kaedah yang ditetapkan-Nya), maka dia mukmin muwahhid (yang mengesakan Allah).

Jenis-Jenis Ibadah Dan Keluasan Rakumannya

Ibadah itu banyak jenisnya. Ia mencakupi dan merangkumi semua jenis ketaatan yang nampak pada lisan, anggota badan, dan yang lahir dari hati. Seperti zikir, tasbih, tahlil, dan membaca al-Qur'an, solat, zakat, puasa, haji, jihad, amar ma'ruf nahi mungkar, berbuat baik kepada kerabat, anak yatim, orang miskin, dan ibnu sabil. Begitu pula cinta kepada Allah dan Rasul-Nya, khasyyatullah (takut kepada Allah), inabah (kembali) kepada-Nya, ikhlas kepada-Nya, sabar terhadap hukum-Nya, redha dengan qadha' dan qadar-Nya, mengharap nikmat-Nya, dan takut dari siksa-Nya.

Jadi, ibadah mencakupi seluruh tingkah laku seseorang mukmin jika diniatkan qurbah (mendekatkan diri kepada Allah) atau apa-apa yang membantu qurbah. Bahkan adat kebiasaan (yang mubah) pun bernilai ibadah jika diniatkan sebagai bekal untuk taat kepada-Nya. Seperti tidur, makan, minum, jual-beli, bekerja mencari nafkah, nikah dan sebagainya. Pelbagai kebiasaan tersebut jika disertai dengan niat yang baik (benar menurut syari'at) maka ianya menjadi nilai berbentuk ibadah yang berhak mendapat pahala. Kerananya, tidaklah ibadah itu terbatas hanya kepada syi'ar-syi'ar yang biasa dikenal.

PASAL 5 – PEMAHAMAN YANG SALAH TENTANG PEMBATASAN IBADAH

Ibadah adalah perkara tauqifiyah. Ertinya tidak ada suatu bentuk ibadah pun yang disyari'atkan kecuali berdasarkan al-Qur'an dan as-Sunnah. Apa yang tidak disyari'atkan bererti bid'ah mardudah (bid'ah yang jelas ditolak), sebagaimana firman Allah s.w.t.:

من عمل عملا ليس عليه أمر نا فهورد

"Barangsiapa yang melaksanakan suatu amalan tidak atas perintah kami, maka ia tertolak." (Hadis Riwayat Bukahri & Muslim)

Maksudnya amalnya ditolak dan tidak diterima, bahkan ia berdosa kerananya, sebab amal tersebut adalah maksiat, bukan taat. Kemudian manhaj yang benar dalam perlaksanaan ibadah yang disyari'atkan adalah sikap pertengahan. Antara meremehkan dan malas dengan sikap ekstrim serta melampaui batas. Allah s.w.t. berfirman kepada Nabi-Nya s.a.w.:

فَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلا تَطْغَوْا إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ (١١٢)

Oleh itu, hendaklah engkau (Wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepada-mu, dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikut-mu berbuat demikian; dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah; Sesungguhnya Allah Maha melihat akan apa yang kamu kerjakan. (Hud (11): 112)

Ayat al-Qur'an ini adalah garis petunjuk bagi langkah manhaj yang benar dalam perlaksanaan ibadah. Iaitu dengan ber-istiqamah dalam melaksanakan ibadah pada jalan tengah, tidak kurang atau lebih, sesuai dengan petunjuk syari'at (sebagaimana yang diperintahkan padamu). Kemudian Dia menegaskan lagi dengan firman-Nya:

وَلا تَطْغَوْا

Dan janganlah kamu melampaui batas.

Tughyan adalah melampaui batas dengan bersikap terlalu keras dan memaksakan kehendak serta mengada-ngada. Ia lebih dikenal dengan ghuluw.

Ketika Rasulullah s.a.w. mengetahui bahawa tiga orang dari sahabat-nya melakukan ghuluw dalam ibadah, di mana seorang dari mereka berkata, “Saya puasa terus dan tidak berbuka”. Dan yang kedua berkata, “Saya solat terus dan ttidak tidur”, lalu yang ketiga berkata, “Saya tidak menikahi wanita”. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda:

أما أنا فأصوم وأفطر. وأصلي وأرقد. وأتزوج النساء فمن رغب عن سنتي فليس مني

“Adapun saya, maka saya berpuasa dan berbuka, saya solat dan tidur, dan saya menikahi perempuan. Maka barangsiapa tidak menyukai jejakku maka dia bukan dari (bahagian atau golongan)-ku.” (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Ada dua golongan yang saling bertentangan dalam soal ibadah:

Golongan pertama: Yang mengurangi makna ibadah serta meremehkan perlaksanaannya. Mereka meniadakan berbagai macam ibadah dan hanya melaksanakan ibadah-ibadah yang terbatas pada syi’ar-syi’ar tertentu dan sedikit hanya diadakan di masjid-masjid saja. Tidak ada ibadah di rumah, di bilik-bilik, di bidang sosial, politik, juga tidak dalam peradilan permasalahan persengketaan dan dalam perkara-perkara kehidupan lainnya.

Memang masjid mempunyai keistimewaan dan harus dipergunakan dalam solat fardhu lima waktu. Akan tetapi, perlulah difahami bahawa ibadah adalah merangkumi seluruh aspek kehidupan Muslim, baik di masjid mahupun di luar masjid.

Golongan kedua: Iaitu yang bersikap berlebih-lebihan dalam perlaksanaan ibadah sehingga mencapai batas ekstreme; yang sunnah, mereka angkat sehingga kepada tingkatan wajib, sebagaimana yang mubah mereka angkat sehingga haram. Mereka menghukumi dengan label sesat dan salah (mungkar) terhadap orang yang menyalahi manhaj (cara praktik) mereka, serta menyalahkan pemahaman-pemahaman lainnya.

Padahal sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Nabi Muhammad s.a.w. dan seburuk-buruk perkara adalah yang bid’ah.

PASAL 6 - RUKUN-RUKUN UBUDIYAH YANG BENAR

Sesungguhnya ibadah itu berlandaskan pada tiga rukun utama, iaitu: hubb (cinta), khauf (takut), dan raja’ (harapan).

Rasa cinta haruslah disekalikan atau disertai dengan sikap rasa rendah diri, sedangkan khauf harus disertai dengan raja’. Dalam setiap ibadah harus terkumpul unsur-unsur ini. Allah s.w.t. berfirman tentang sifat hamba-hamba-Nya yang mukmin:

يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ

Dia mencintai mereka, dan mereka mencintai-Nya... (al-Ma’idah (5): 54)

وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ

Sedang orang-orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah... (al-Baqarah (2): 165)

Dia s.w.t. berfirman menyifati para rasul dan nabi-Nya:

إِنَّهُمْ كَانُوا يُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا وَكَانُوا لَنَا خَاشِعِينَ (٩٠)

Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba (bersegera) dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan penuh harapan serta gerun takut; dan mereka pula sentiasa khusyuk (dan taat) kepada kami. (al-Anbiya' (21): 90)

Sebahagian salaf berkata: "Barang siapa yang menyembah Allah dengan rasa cinta (hubb) saja maka ia zindiq. Sesiapa yang menyembah-Nya dengan raja' (harapan) saja, maka ia adalah murji'. Dan sesiapa yang menyembah-Nya hanya dengan khauf (takut) saja, maka ia adalah harury. Sesiapa yang menyembah-Nya dengan cinta (hubb), takut (khauf), dan harapan (raja'), maka dia adalah mukmin muwahhid." (Penjelasan: zindiq adalah istilah untuk setiap munafiq, orang sesat dan mulhid. Murji' adalah orang murji'ah, iaitu golongan yang mengatakan bahawa amal bukan bahagian iman. Menururt mereka, iman cukup sekadar dengan hati. Harury pula adalah orang dari golongan khawarij, yang pertama kali muncul di Harruro', dekat Kufah, yang berkeyakinan bahawa orang mukmin yang berdosa adalah kafir.)

Hal ini disebutkan oleh Sheikhul Islam Ibnu Taimiyyah dalam Risalah Ubudiyah. Beliau juga berkata:

"Dien Allah adalah menyembah-Nya, taat, dan tunduk kepada-Nya; Asal makna ibadah adalah adz-dzull (hina). Dikatakan "" jika jalan itu dihinakan dan diinjak-injak oleh kaki manusia. Akan tetapi ibadah yang diperintahakan mengandungi dzull dan hubb. Iaitu mengandungi makna dzull yang paling dalam dengan hubb yang paling tinggi kepadanya, maka ia bukanlah menghamba (menyembah) kepadanya. Dan jika ia menyukai sesuatu tetapi tidak tunduk kepadanya, maka ia pun tidak menghamba (menyembah) kepada-Nya. Sebagaimana seorang ayah menyintai anaknya atau rakannya. Kerana itu tidak cukup salah satu dari keduanya dalam beribadah kepada Allah, tetapi hendaklah Allah lebih dicintai dari segala sesuatu dan Allah lebih diagungkan dari segala sesuatu. Tidak ada yang berhak dapat mahabbah (cinta) dan khudhu' (ketundukan) yang sempurna selain Allah. (Majmu'ah Tauhid Najdiyah, hal. 542) Inilah rukun-rukun kehambaan yang merupakan dasar segala amal ibadah.

Ibnu Qayyim berkata dalam Nuniyah-nya:

"Ibadah kepada ar-Rahman adalah cinta yang dalam kepada-Nya, berserta kepatuhan penyembah-Nya. Dua hal ini adalah ibarat dua kutub. Di atas keduanyalah orbit ibadah beredar. Ia tidak beredar sehingga kedua kutub itu berdiri tegak. Sumbunya adalah perintah, perintah rasul-Nya. Bukan hawa nafsu dan syaitan."

Ibnu Qayyim menyerupakan beredarnya ibadah di atas rasa cinta dan tunduk bagi yang dicintai, iaitu Allah s.w.t. dengan beredarnya orbit di atas dua kutubnya. Beliau juga menyebutkan bahawa beredarnya orbit ibadah adalah berdasarkan perintah rasul dan syari'at-Nya, bukan berdasarkan hawa nafsu dan syaitan. Kerana hal yang demikian bukanlah ibadah. Apa yang disyari'atkan baginda Rasulullah s.a.w. itulah yang memutar orbit ibadah. Ia tidak diputar oleh bid'ah, nafsu, dan khurafat.

PASAL 7 – SYARAT DITERIMANYA IBADAH

Agar boleh diterima, ibadah disyaratkan harus benar-benar menurut kaedahnya. Dan ibadah itu tidak benar kecuali dengan ada syarat:

1 – Ikhlas kerana Allah semata, bebas dari syirik besar dan kecil.
2 – Sesuai dengan petunjuk Rasulullah s.a.w.

Syarat pertama adalah kesan (dan objektif) daripada syahadat laa ilaaha illallah, kerana ia mengharuskan ikhlas beribdah hanya untuk Allah dan jauh dari syirik kepada-Nya.

Sedangkan syarat kedua adalah kesan dari syahadat Muhammad Rasulullah, kerana ia menuntut wajibnya taat kepada Rasul, mengikuti syari'atnya dan meninggalkan bid'ah atau ibadah-ibadah yang diada-adakan. Allah s.w.t. berfirman:

بَلَى مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَلا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلا هُمْ يَحْزَنُونَ (١١٢)

(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintah-Nya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalannya, maka ia akan beroleh pahalanya di sisi Tuhannya dan tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (al-Baqarah (2): 112)

Aslama wajhahu (menyerahkan diri) ertinya memurnikan ibadah kepada Allah. Wahuwa muhsin (berbuat kebajikan) ertinya mengikuti Rasul-Nya.

Sheikhul Islam Ibnu Taimiyyah mengatakan: "Dasar agama ada dua pokok iaitu kita tidak menyembah kecuali kepada Allah, dan kita tidak menyembah kecuali dengan yang Dia syari'atkan, tidak dengan bid'ah." Sebagaimana Allah s.w.t. berfirman:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ يُوحَى إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَمَنْ كَانَ يَرْجُو لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلا صَالِحًا
وَلا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا (١١٠)

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaKu Bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang satu; oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan Dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal Yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya". (al-Kahfi (18): 110)

Yang demikian adalah manifestasi (perwujudan) dari dua kalimat syahadat Laa ilaaha illallah dan Muhammad Rasulullah.

Pada yang pertama, kita tidak menyembah kecuali kepada-Nya. Pada yang kedua, bahawasanya Muhammad adalah utusan-Nya yang menyampaikan ajaran-Nya. Maka kita wajib membenarkan dan mempercayai beritanya serta mentaati perintahnya. Beliau telah menjelaskan bagaimana cara kita beribadah kepada Allah, dan beliau melarang kita dari hal-hal baru atau bid'ah. Beliau mengatakan bahawa bid'ah itu sesat. (al-Ubudiyah, hal. 103; ada dalam Majmuah Tauhid, hal. 615)

KESIMPULAN - SYARAT-SYARAT DITERIMANYA AMALAN

Berakidah Dengan Akidah Yang Sahih:-

Sesiapa Yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman (berakidah dengan akidah yang sahih), maka Sesungguhnya Kami akan menghidupkan Dia Dengan kehidupan Yang baik; dan Sesungguhnya Kami akan membalas mereka, Dengan memberikan pahala Yang lebih dari apa Yang mereka telah kerjakan. (an-Nahl: 97)

Dan sesiapa Yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman (berakidah sahih), maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun. (an-Nisa': 124)

Ikhlas Lillahi Ta'ala (dan tidak syirik):

Sesungguhnya Kami menurunkan Al-Quran ini kepadamu (Wahai Muhammad) dengan membawa kebenaran; oleh itu hendaklah engkau menyembah Allah dengan mengikhlaskan segala ibadat dan bawaanmu kepada-Nya. Ingatlah! (hak Yang wajib dipersembahkan) kepada Allah ialah segala Ibadat dan bawaan Yang suci bersih (dari segala rupa syirik). (Zumar: 2)

Dan Sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (Wahai Muhammad) dan kepada Nabi-nabi Yang terdahulu daripadamu: "Demi sesungguhnya! jika Engkau (dan pengikut-pengikutmu) mempersekutukan (sesuatu Yang lain Dengan Allah) tentulah akan terhapus amalmu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang Yang rugi. (az-Zumar: 65)

Barangsiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan Dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal Yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapapun Dalam ibadatnya kepada Tuhannya". (al-Kahfi: 110)

Dan kalau mereka sekutukan (Allah Dengan sesuatu Yang lain) nescaya gugurlah dari mereka, apa yang mereka telah lakukan (dari amal-amal Yang baik). (al-An'am: 88)

Menurut Petunjuk al-Qur'an Dan Sunnah Rasul-Nya (bersumberkan hadis2 yang sah) sahaja – Dengan tidak mereka-cipta ibadah berdasarkan akal:

Kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dariKu, maka sesiapa Yang mengikut petunjukKu itu nescaya ia tidak akan sesat dan ia pula tidak akan menderita azab sengsara. (Thaha: 123)

Wahai orang-orang Yang beriman! janganlah kamu memandai-mandai (melakukan sesuatu perkara) sebelum (mendapat hukum atau kebenaran) Allah dan Rasul-Nya; dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui. (al-Hujurat: 01)

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan Yang baik, Iaitu bagi orang Yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang). (al-Ahzaab: 21)

"Barangsiapa yang beramal dengan amalan selain dari cara kita, maka ianya tertolak." (Hadis Riwayat Muslim, no: 1718)

Sesungguhnya Allah Menjanjikan Kemenangan Kepada Mereka Yang Beramal Dengan Amalan Yang Soleh (amalan yang benar) Yang Disertakan Dengan akidah Yang Sahih:

Allah menjanjikan **orang-orang yang beriman** dan **beramal soleh dari kalangan kamu** (Wahai umat Muhammad) **bahawa Dia (Allah) akan menjadikan mereka berkuasa memegang pemerintahan** di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: yang berkuasa; dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhai-Nya untuk mereka; dan ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan-Ku. Dan (ingatlah) sesiapa Yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang Yang derhaka (fasik). (an-Nuur: 55)

Rujukan:
- Minhajul Anbiya' Fid Da'wati Ila Allah fihil Hikmatu wa 'aql, Sheik Dr. Rabi Bin Hadi 'Umair al-Madkhaly.
- At-Tauhid Lish-shaffil Awwal al-'Aliy, Sheikh Dr. Soleh Bin Fauzan al-Fauzan.

PASAL – 8 TINGKATAN DIEN

Definisi

Dien adalah ketaatan. Dalam bahasa arab "دان له يدين دينا" maksudnya "أطاعه" (mentaati). Dien juga disebut millah, dilihat dari segi ketaatan dan kepatuhan kepada syari'at. Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الإِسْلامُ (١٩)

Sesungguhnya ugama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. (Ali Imran (3): 19)

1 - Islam

Menurut bahasa, Islam bererti masuk dalam kedalaman. Dikatakan " أسلم أمره إلى الله" ertinya menyerahkan perkaranya kepada Allah. Dikatakan "أسلم" ertinya masuk dalam agama Islam. Sedangkan menurut syara' Islam bererti pasrah kepada Allah, bertauhid dan tunduk kepada-Nya, taat dan membebaskan diri dari syirik dan para pengikutnya.

2 - Iman

Menurut bahasa, iman bererti membenarkan disertai percaya dan amanah. Sedangkan menurut syara', bererti pernyataan dengan lisan, keyakinan dalam hati dan perbuatan dengan anggota badan.

3 – Ihsan

Menurut bahasa, lisan bererti berbuat kebaikan, iaitu segala sesuatu yang menyenangkan dan terpuji. Dan kata-kata ihsan mempunyai dua sisi:

Pertama, memberikan kebaikan kepada orang lain. Dalam bahasa arab dikatakan "أحسن إلي فلان" ia telah berbuat baik kepada si fulan.

Kedua, memperbaiki perbuatannya dengan menyempurnakan dan membaikannya. Dikatakan "أحسن عمله" jika ia telah menyempurnakannya.

Sedangkan ihsan menurut syara' adalah sebagaimana yang dijelaskan oleh baginda Nabi s.a.w. dalam sabdanya:

أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك

"Engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya. Jika engkau tidak boleh melihat-Nya maka sesungguhnya Dia melihatmu." (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Sheikhul Islam Ibnu Taimiyah berkata: "Ihsan itu mengandungi kesempurnaan ikhlas kepada Allah dan perbuatan baik yang dicintai oleh Allah. Allah s.w.t. berfirman:

بَلَى مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَلا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلا هُمْ يَحْزَنُونَ (١١٢)

(Apa Yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa Yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintahNya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalannya, maka ia akan beroleh pahalanya di sisi Tuhannya dan tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian Yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (al-Baqarah (2): 112)

Agama Islam merangkumi ketiga-tiga istilah ini, iaitu: Islam, iman, dan ihsan. Sebagaimana yang terdapat dalam hadis jibril a.s. ketika datang kepada Nabi s.a.w. di hadapan para sahabatnya dan bertanya tentang Islam, kemudian tentang iman dan ihsan. Lalu Rasulullah s.a.w. menjelaskan setiap dari pertanyaan tersebut. Kemudian beliau bersabda: "Inilah Jibril datang kepada kalian untuk mengajarkan dien kalian." Jadi, Rasulullah menjadikan dien itu adalah Islam, iman, dan ihsan. Maka jelaslah agama kita ini merangkumi ketiga-tiganya itu.

Dengan yang demikian, Islam mempunyai tiga tingkatan: Pertama adalah Islam, kedua iman, dan ketiga adalah ihsan. (Lihat Majmu' Fatawa, 8/10 dan 622)

Keumuman Dan Kekhususan Dari Ketiga Tingkatan Tersebut

Islam dan iman apabila disebut salah satunya secara terpisah maka yang lainnya termasuk di dalamnya. Tidak ada perbezaan di antara keduanya ketika itu. Tetapi jika disebut keduanya secara bersamaan, maka masing-masing mempunyai pengertian sendiri-sendiri, sebagai-mana yang terdapat di dalam hadis Jibril a.s. Di mana Islam ditafsiri dengan amalan-amalan lahiriah atau amalan-amalan badan seperti solat dan zakat. Sedangkan iman ditafsiri dengan amalan-amalan hati atau amalan batin seperti membenarkan dengan lisan, percaya, dan ma'rifat kepada allah, malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya dan seterusnya.

Adapun keumuman dan kekhususan antara ketiga-tiganya ini telah dijelskan oleh Sheikhul Islam Ibnu Taimiyah sebagai berikut:

"Ihsan itu lebih umum dari sisi dirinya sendiri dan lebih khusus dari segi orang-orangnya daripada iman. Iman itu lebih umum dari segi dirinya sendiri dan lebih khusus dari segi orang-orangnya daripada Islam. Ihsan merangkumi iman, dan iman merangkumi Islam. Para muhsinin lebih khusus daripada mukminin, dan para mukmin lebih khusus dari para muslimin." (Majmu' Fatawa, 7/10)

Oleh kerana itu, para ulama muhaqqiq mengatakan, “Setiap mukmin adalah muslim, kerana sesungguhnya siapa yang telah mewujudkan iman dan ia tertancap di dalam sanubarinya maka dia pasti melaksanakan amalan-amalan Islam sebagaimana yang telah disabdakan baginda Rasulullah s.a.w.:

ألا وإن في الجسد مضغه إذا صلحت صلح الجسد كله وإذا فسد الجسد كله ، ألا وهي القلب

“Ingatlah sesungguhnya di dalam jasad itu terdapat segumpal darah, jika ia baik maka menjadi baiklah jasad itu semuanya, dan jika ia rosak, maka rosaklah jasad itu semuanya. Ingatlah, ia adalah hati. (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Dan tidak setiap Muslim itu mukmin, kerana boleh jadi imannya sangat lemah, sehingga tidak boleh mewujudkan iman dengan bentuk yang sempurna, tetapi ia tetap menjalankan amalan-amalan Islam, maka menjadilah ia seorang muslim, bukan mukmin yang sempurna imannya. Sebagaimana firman Allah s.w.t.:

قَالَتِ الأَعْرَابُ آمَنَّا قُلْ لَمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا

Orang-orang Arab berkata: "Kami telah beriman". Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi sementara iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu berkatalah sahaja: `Kami telah Islam'... (al-Hujurat (49): 14)

Mereka bukanlah orang munafik secara keseluruhan, demikian menurut yang paling benar dari dua penafsiran yang ada, iaitu perkataan Ibnu Abbas dan lainnya, tetapi iman mereka lemah. Hal ini ditunjukkan oleh firman Allah s.w.t.:

وَلَمَّا يَدْخُلِ الإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ وَإِنْ تُطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ لا يَلِتْكُمْ مِنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ (١٤)

Dan (ingatlah), jika kamu taat kepada Allah RasulNya (zahir dan batin), Allah tidak akan mengurangkan sedikitpun dari pahala amal-amal kamu, kerana Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani". (al-Hujurat (49): 14)

Maksudnya tidaklah pahala mereka dikurangi berdasarkan iman yang ada pada diri mereka yang cukup sebagai syarat untuk diterimanya amalan mereka dan diberi balasan pahala. Seandainya mereka tidak memiliki iman, tentu mereka tidak akan diberi pahala apa-apa. (Syarah Arba’in, Ibnu Rajab, hal. 25-26)

Maka jelaslah bahawa dien itu bertingkat, dan sebahagian tingkatan-nya lebih tinggi dari yang lain. Pertama adalah Islam, kemudian naik lagi menjadi iman, dan yang paling tinggi adalah ihsan.

Tajuk selanjutnya akan menyusul: Tauhid Asma’ Wa Sifat
Kitab asal / rujukan utama: التوحيد للصف الاول العالي (at-Tauhid Lish-Shafil Awwal al-'Ally) oleh Sheikh Dr. Soleh Fauzan Bin Fauzan Bin Abdullah al-Fauzan.

Diedit semula dari kitab terjemahannya (indonesia) oleh:
Nawawi (http://aqidah-wa-manhaj.blogspot.com)